

02 JUL 1999

BORNEO-RESORT

BORNEO HIGHLANDS RESORT AKAN DIBUKA NOVEMBER

KUCHING, 2 Julai (Bernama) -- Fasa pertama pusat peranginan Borneo Highlands Resort, sebuah pusat peranginan tanah tinggi mesra alam sekitar, kira-kira 70 km dari sini, dijangka disiapkan menjelang November tahun ini.

Pusat peranginan itu adalah usaha sama antara Country Heights Holding Bhd, yang memiliki 70 peratus dan Lembaga Pemulihan dan Kemajuan Tanah Sarawak (Pelita), 30 peratus.

Pengarah urusan Country Heights Tan Sri Lee Kim Yew berkata hari ini projek permulaan berharga RM100 juta itu akan menyiapkan prasarananya ketika itu kelak.

Prasarana itu akan termasuk sebatang jalan masuk 30 km, satu sistem jalan raya tanah tinggi dalaman yang unik di samping sebuah hotel 60 bilik, lima buah chalet, 120 lot banglo kediaman, sebuah padang golf 18 lubang dan sebuah taman bunga kekwa.

Bagaimanapun, pembangunan keseluruhan projek itu, yang dianggarkan bernilai RM500 juta, akan dibahagikan kepada lima peringkat. Ia dijangka siap sepenuhnya selepas tahun 2005, Lee memberitahu pemberita pada taklimat media di pusat peranginan itu, yang terletak di tanah datar setinggi 2,300 a di Penrissen Highlands dekat sini.

Katanya kerja ke atas projek itu, yang bermula pada tahun 1995, tidak terganggu walaupun masalah ekonomi melanda negara sejak dua tahun yang lalu.

"Pusat peranginan ini akan merukapan yang pertama sepertinya di Borneo yang bertujuan menggalakkan eko-pelancongan dengan memuliharaan dan mempertingkatkan tarikan pelancong, termasuk sebahagian besar yang akan dikekalkan dalam keadaan semula jadinya berhutan," katanya.

Beliau yakin bahawa pusat peranginan itu boleh menarik 200,000 pelawat antarabangsa dan tempatan setahun, terutamanya ke taman temanya itu.

Antara aktiviti dirancangkan bagi tahun depan ialah mengadakan pesta bunga yang serupa dengan Pesta Bunga Chelsea tahunan di England, katanya.

Katanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan pembukaan pusat peranginan itu.

-- BERNAMA

CJ SHY OS